



Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 (29)

Tarikh: 20 April 2012

Ketua Pengarang,

Aduan Rakyat TV3

Akhbar : **Aduan Rakyat TV3**
Tarikh : **14 April 2012**
Subjek : **Pembeli Menjadi Mangsa Rumah Terbengkalai**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) khususnya Jabatan Perumahan Negara (JPN) merujuk kepada artikel tersebut, ingin memaklumkan bahawa projek perumahan Bandar Baru Serendah (Fasa 1) ini telah dimajukan oleh Manco Enterprise Sdn. Bhd. di kawasan mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor, Selangor. Projek ini merangkumi daripada pembinaan rumah teres satu tingkat dengan jumlah keseluruhan sebanyak 49 unit dan sebanyak 46 unit telah dijual. Projek perumahan ini telah dikategorikan sebagai projek Sakit oleh kerana projek perumahan ini gagal disiapkan mengikut tarikh yang ditetapkan di dalam Surat Perjanjian Jual Beli (PJB). Tarikh PJB pertama telah ditandatangani pada 1 Oktober 2005 dan tarikh patut siap adalah pada 1 Oktober 2007. Status pembangunan terkini projek perumahan ini telah mencapai 94%.

Hasil maklum balas yang diberikan oleh pihak pemaju berkaitan status terkini projek perumahan ini adalah seperti berikut:-

- a) Pihak pemaju masih didalam proses untuk menyediakan pelan pindaan kepada pihak Syabas berdasarkan kepada ulasan yang telah diberi. Pelan pindaan tersebut dijangka akan dihantar semula selewat-lewatnya pada 27 April 2012;
- b) Pihak *consultant* masih di dalam proses untuk membuat pindaan pelan kepada pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB). Pelan pindaan tersebut dijangka akan dihantar semula selewat-lewatnya pada 15 Mei 2012;
- c) Pihak pemaju masih di dalam proses untuk membuat permohonan pindaan pelan bagi sistem pembentungan kepada pihak Indah Water Konsortium (IWK). Pihak pemaju membuat permohonan untuk mengecilkkan saiz *Sewerage Treatment Plant* (STP) yang asal kepada saiz yang lebih kecil yang hanya menampung untuk 49 unit rumah yang sedang dibina. Ini adalah kerana baki pembangunan bagi Fasa 2 dan 3 ini

telah dibatalkan oleh kerana tanah tersebut telah dirampas oleh kerajaan negeri Selangor.

d) Pihak pemaju membuat sasaran tarikh baru bagi penyiapan projek perumahan ini adalah pada bulan September 2012.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Datuk Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
e-mail : pro@kpkt.gov.my